

SYAIR SITI ZUBAIDAH

PERANG CHINA

Halaman

1

11

Oleh

1 - 9

ABDUL RAHMAN BIN YASIN

Untuk Keperluan

Latihan Ilmiah

10 - 33

34 - 57

58 - 61

62 - 65

66 - 70

Di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan

71 - 97

98 - 102

103 - 107

108 - 110

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA .

111 - 113

FULAU PINANG

1976 / 1977

## DAFTAR ISI

	Halaman
PRAKATA .....	i
PENDAHULUAN .....	ii
BAB	
I STAIR SEBAGAI PERANTARAAN OERITA ATAU KARYA NARATIF .....	1 - 9
II CIRI-CIRI SYAIR DALAM HUBUNGANNYA DENGAN TEKS SYAIR SITI ZUBAIDAH PERANG CHINA .....	10 - 33
III RINGKASAN .....	34 - 57
IV STRUKTUR:	
- TIMA DAIAM SYAIR SITI ZUBAIDAH	58 - 61
- PLOT DALAM SYAIR SITI ZUBAIDAH	62 - 65
- PERWAIAKAN DALAM SYAIR	66 - 70
- PERWATAKAN DALAM SYAIR SITI ZUBAIDAH .....	71 - 97
- LATAR .....	98 - 102
V KESIMPULAN .....	103 - 107
LAMPIRAN .....	108 - 110
BIBLIOGRAPI .....	111 - 113

## PRAKATA

Kajian mengenai Syair Siti Zubaidah Perang China ini adalah bertujuan memenuhi kerja 'Latihan Ilmiah' yang merupakan satu kursus dalam bidang kesusasteraan di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, untuk sidang akadaik tahun 1976/77»

Di dalam mengusahakan kajian ini saya begitu terhutang budi kepada Dr. Ali bin Ahmad yang bukan sahaja raenjadi pengawas kursus ini, bahkan juga telah memberi tunjuk ajar serta fikiran yang berguna kepada saya. Kepada beliau saya ucapkan setinggi-tinggi ribuan terima kasih.

Saya juga ingin menyampaikan ucapan terima kasih kepada Encik Shahnnon Ahmad, Encik Muhamad Isa Ismail, Encik Muhamad Arif Mat Ali, Puan Shaadah Abdul Latif dan Gik Norliza Hussain kerana pertolongan mereka memberi boberapa cadangan, teguran dan mombantu saya dalam menyiapkan penulisan ini.

Akhir sekali saya juga mengucapkan terima kasih kepada mereka yang memberi sumbangan-sumbangan teftentu dalam mengusahakan kerja ini. Dengan berkat kerjasama merekalah kerja ini dapat disiapkan mengikut teraph yang ditetapkan.

Universiti Sains Malaysia,  
Minden, Pulau Pinang.  
15hb. Mac, 1977.

Abdul Rahman bin Yasin

## PENDAHULUAN

Dalam Pengkajian saya tentang Syair Siti Zubaidah Perang China ( Syair Siti Zubaidah ) ini agak berbeza sedikit dari pengkaji-pengkaji syair lain. Mengikut kebiasaan dari pengkaji-pengkaji lain setiap syair yang dikajinya disertakan teks asal syair tersebut. Sebagai contoh Syair Yatim Nestapa yang diusahakan oleh Mohd. Hashim, Syair Ken Tambuhan oleh A. Teeuw, Syair Musuh Kelantan oleh Kassim Ahmad, Syair Burong Pmnggdik oleh Raja Iskandar Raja Zaid dan lainnya dimasukkan teks syair tersebut.

Tetapi kajian saya ini tidak dimasukkan teks asalnya, kerana pada anggapan saya teks syair ini tidak perlu dimasukkan oleh sebab terlalu panjang (29 muka surat).

Saya lebih melihat syair ini dari segi strukturnya dan dengan pengkajian ini agar dapatlah kita menilai cerita ini sebenarnya, adakah sama atau ada perbezaan-perbezaannya jika dibandingkan dengan novel-novel moden hari ini.

Sebagai sebuah syair yang ceritanya ramai diketahui umum terutama kalangan Melayu, adalah juga menjadi harapan kita seniu agar cerita Siti Zubaidah ini tidak akan lbput dari ingatan jenerasi yang akan datang. Di dalam pengkajian saya yang serba kekurangan ini benar-benar saya akui, tetapi saya begitu gembira kerana dapat menyambung menghidupkan syair ini, yang mana sekian lama dilupai oleh masyarakat kita.